

Ingatan PM kepada anggota Barisan Nasional Berbeza pendapat jangan berlarutan

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan bahawa perbezaan pendapat yang boleh mencetuskan kerenggan antara anggota-anggota Barisan Nasional tidak harus dibiarkan berlarutan.

Perdana Menteri menegaskan, usaha mengelakkan perbezaan pendapat, terutama di peringkat pemimpin, perlu dielakkan supaya apa juga kelemahan parti-parti komponennya dapat ditebus kembali.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, persefahaman dan perpaduan

Perdana Menteri berkata, walaupun sebahagian adalah *asset* dan pelajaran penting di negara ini. Semua anggota BN perlu sedar bahawa kejayaan parti pemerintah berdasarkan keyakinan sebilangan besar rakyat terhadap dasar-dasar kerajaan.

Dibakar

Datuk Seri Dr Mahathir, sebagai Pengerusi Barisan Nasional, berkata demikian hari ini, ketika merasmikan perisandingan perwakilan tahunan Parti Gerakan, di sini.

Bellau mengingatkan anggota-anggota BN bahawa kekalannya dalam pilihanraya kecil Kepingang dan Raub harus

dijadikan pengajaran untuk mereka terus mengukuhkan persefahaman, perpaduan dan sikap toleransi di kalangan mereka.

"Kekalahan itu juga akan meyakinkan rakyat bahawa pendirian yang keterlaluan tidak mempunyai tempat dalam politik tanahair," jelasnya. "Kekalahan besar rakyat Malaysia inginkan cara hidup yang aman, selamat dan makmur, ada sebahagian lagi rakyat yang mudah terpedaya dengan pendirian keterlaluan beberapa orang yang sanggup mengingkari isu-isu sensitif dan perkuman bagi tujuan politik."

"Ini amat mendukacitakan kerana taktik kotor seperti ini, walaupun digunakan dalam musim pilihanraya, boleh mengelisahkan rakyat

yang tidak begitu faham akan kedudukan dan isu-isu sebenarnya.

"Kesannya, perasaan dan sentimen mereka dengan mudah dapat dibangkitkan dan dibakar."

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, ini berlaku di Kepingang dan Raub, sehingga BN kehilangan dua kerusi, kerana parti pembangkang menggunakan isu-isu perkuman.

Bagaimanapun, Perdana Menteri yakin sebarang usaha dan sambutan setiap ahli parti komponen ke arah kewibawaan BN akan menjadi pelaburan yang amat bernilai bagi masa depan negara.

Bellau juga menerangkan beberapa konsep dasar baru kerajaan seperti Dasar Pandang Timur, PERSYARIKATAN Malaysia, Universiti

Islam Antarabangsa dan Bank Islam.

Bagaimanapun, bellau kesal kerana masih ramai pemimpin, pegawai dan orang ramai yang keliru dan kurang memahami pendekatan-pendekatan kerajaan.

"Ada mereka yang keliru kerana tidak membaca mengenai konsep itu dan hanya mendengar dari orang lain yang mungkin telah menokok tambah menurut selera masing-masing."

"Ada pula mereka yang membaca sepiptas lalu saja dan membiarkan imaginasi merangkumi perkara-perkara yang tidak disentuh oleh sesuatu konsep," jelas Perdana Menteri.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, konsep-konsep itu mestilah diteliti dan difahami dengan mendalamnya berkali-kali.